

Perkembangan Islam di Asia Tenggara: Kajian Kemboja

Mohamad Zain Musa

Institut Alam dan Tamadun melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: myenbm@gmail.com

Abstract

Islam has reached the Kingdom of Cham as early as the 9th century. However, historical records show that the population, especially the Cham embraced the religion by the 14th century. As they were facing the onslaught of the famous Vietnamese Nam-tien (advancing of the Vietnamese to the South), some took refuge in Cambodia. In this graceful land, they met their brothers, the Malay who were already Muslim. They formed a homogenous community known as Khmer Islam or Cam-Chvea (Cam-Melayu). In the process of acquiring the teachings of Islam, they sent their young offspring's to Malay Peninsular, especially to Kelantan and Patani. Earlier on, Islamic classes in Cambodia were held at Surau, Masjid or at the teachers (Tuon) home, usually under his house. The present day development of the teachings of Islam in Cambodia is quite encouraging. New schools, not well organised though, are opened by young Cham-Malay graduates from abroad. They have a very strong will in bringing the social status of their community through education. Some schools operate with the help of individuals from Malaysia, Kuwait and Saudi Arabia.

Keywords

Islam, Cambodia, Cham, Malay, education

Abstrak

Islam tiba di kerajaan Campa seawal abad ke 9. Walau bagaimanapun dokumen sejarah telah buktikan rakyatnya, orang Cam khususnya menghayati ajaran agama ini sepenuhnya pada abad ke 14. Mereka yang berhadapan dengan kemaraan orang Viet ke Selatan, Nam-tien, melarikan diri dari Campa, untuk menyalamatkan diri, ke Kemboja. Di Kemboja, negeri yang penuh rahmat ini mereka bertemu dengan orang Melayu yang sudah menganut agama Islam. Kedua kaum ini membentukkan satuan masyarakat yang dikenali sebagai Khmer Islam atau Cam-Chvea (Cam-Melayu). Proses mendalamkan ilmu pengetahuan dalam ajaran Islam diperkuuhkan dengan adanya penghantaran anak muda mereka ke Semenanjung Tanah Melayu khususnya di Kelantan dan Patani. Pada zaman tradisional sekolah-sekolah agama diadakan di surau, masjid atau di rumah Tuon (guru agama), biasanya di bawah rumah. Perkembangan Islam semasa di kalangan umat Islam Kemboja amat menggalakkan dengan tubuhnya sekolah-sekolah agama yang lebih tersusun. Ada sekolah yang dikendalikan anak muda Cam-Melayu graduan dari universiti di luar Kemboja. Mereka mempunyai azam tinggi untuk memajukan masyarakat mereka melalui pendidikan. Ada juga sekolah agama yang dibantu oleh orang luar seperti orang Malaysia, Kuwait dan Arab Saudi.

Kata Kunci

Islam, Kemboja, Cam, Melayu, pendidikan

Pendahuluan

Di Kemboja, orang Islam biasa dikenali secara rasmi sebagai orang Khmer Islam oleh pemerintah; manakala orang awam Kemboja biasa memanggil mereka orang Cam-Chvea, iaitu orang Cam-Jawa iaitu Cham-Melayu. Orang Cam adalah keturunan pelarian Cam dari Kerajaan Campa yang satu ketika dahulu merupakan sebuah kerajaan Melayu tertua. Lokasi Kerajaan Campa terletak di bahagian tengah Vietnam sekarang. Kewujudannya telah disahkan di antara abad ke 2 dan 18 Masihi. Orang Melayu di Kemboja pula adalah keturunan mualigh Islam dan pedagang dari Nu-santara termasuk Semenanjung Tanah Melayu (Musa, 1991).

Orang Cam pada awalnya menerima pengaruh dari India melalui agama Hindu dan Buddha (Lafont 1996). Ini terbukti melalui peninggalan keagamaan dan seni. Pada abad ke 9, mereka telah menerima kedatangan Islam di bumi mereka dan mereka dipercayai memeluk agama Islam melalui saudara Melayu mereka yang telah memeluk agama Islam terlebih dahulu (Ross 1987). Kedua-dua kelompok masyarakat ini, yaitu Cam dan Melayu telah bersama membentuk satu masyarakat Islam yang homogen di Kemboja.

Tiada data yang menunjukkan jumlah mereka dengan tepat. Jika kita lihat statistik yang pernah dikeluarkan oleh penjajah Perancis, jumlah orang Cam-Melayu pada tahun 1874 adalah 25 599 orang daripada 945 954 jumlah keseluruhan penduduk Kemboja (Aymonioer, 1876). Pada tahun 1936, dari juga sumber Perancis, jumlah mereka telah meningkat kepada 73 000 orang. Jumlah mereka sentiasa dalam perdebatan. Menurut Marcel Ner, jumlah mereka meningkat dengan cepat dalam tahun 1940-an kerana kadar kematian ketika itu berkurang. Pada tahun 1936, dengan mengambil kira kadar kelahiran sebanyak 2.7% setahun, jumlah mereka adalah 250 000 orang. Po Dharmo (1981) telah memberi anggaran jumlah orang Islam di Kemboja hanya pada 150 000 orang pada tahun 1970 (Dharma, 1981&1982). Kajian orang Cam sendiri, yang diketuai oleh General Les Kosem, telah menunjukkan bahawa jumlah mereka pada tahun 1970 adalah 700 000 orang. Jumlah rasmi yang diberi oleh Kementerian Dalam Negeri Kemboja dalam 1st Semester Cham Statistics Report of 1995 menunjukkan bahawa jumlah mereka adalah 203 881 orang (Touch, 2011).

Lokasi Penempatan Orang Cam-Melayu di Kemboja

Regim Khmer Rouge (1975-1979) telah menggunakan kekerasan terhadap keseluruhan orang Kemboja termasuk orang Khmer Islam sehingga memaksa sebagian besar daripada mereka melarikan diri ke negara jiran untuk menyelamatkan diri dan agama Islam yang mereka anuti (Mohamad Zain 2003). Khmer Rouge yang menganggap agama Islam yang mereka anuti itu sebagai penghalang kepada pembentukan negara yang berpegang kepada fahaman komunis. Di bawah pemerintahan Khmer Rouge, penduduk dihalau keluar dari bandar dan kampung halaman mereka, kemudian mereka diseksa dan dibunuhi. Oleh demikian, orang Islam menyembunyikan identiti mereka selepas mena-dari semua pegawai kerajaan lama yang ada pangkat dan yang pernah berkhidmat dalam pemerintahan Lon Nol dicari dan dibunuhi dengan kejam. Pihak tentera telah membakar kampung mereka sekiranya ada, walaupun hanya seorang yang menentang regim Khmer Rouge atau Angkar (istilah bagi regim tersebut) (Osman, 2002&2006). Tindakan itu merupakan usaha Khmer Rouge untuk menghapuskan identiti orang Islam yang digambarkan sebagai sukar mematuhi arahan. Dianggarkan 500,000 orang telah menjadi mangsa Khmer Rouge dan mereka sama ada mati dibunuhi atau lari mencari perlindungan di beberapa kawasan lain seperti Thailand, Malaysia dan beberapa negara di luar Asia Tenggara (Zain, 2007).



Gambar 1. Peta Penempatan Orang Cam-Melayu

Kini pejabat Oknha Mufti Kemboja telah mengumpulkan data penduduk Islam di kemboja dan berikut adalah hasil siasatannya, yang memberi anggaran jumlah orang Cam-Melayu yang terselamat daripada tiga tahun pemerintahan Khmer Rouge adalah lebih kurang 500 000 orang. Berikut adalah statistik yang telah dikumpul oleh pejabatnya: pada tahun 1999, 200 000 orang di 317 kampung. Pada 22.11.2008, 350 000 - 400 000 orang di 428 kampung. Pada 29.11.2010, 450 000 - 500 000 orang di 454 kampung. Pada 30.09.2011, jumlah perkampungan orang Islam bertambah kepada 525.

Pertambahan jumlah perkampungan orang Khmer Islam ini disebabkan mereka terpaksa keluar dari kampung halaman asal mereka untuk mencari rezeki di daerah-daerah yang lebih jauh di Utara dan Timur Laut Kemboja, seperti di provinsi Oddar Meanchey, Rattanak Kiri dan Mondol Kiri. Perpindahan ini berlaku kerana pekerjaan makin berkurang di kampung halaman mereka (Mohamad Zain 2008a). Perpindahan dan petempatan mereka di daerah-daerah baru berlaku secara mudah kerana mereka sudah menjadi sebahagian daripada rakyat Kemboja. Mereka dila-yani dengan baik oleh kerajaan sepanjang sejarah mereka ada di Kemboja.

Mereka memberi keutamaan kepada pembinaan surau atau masjid di mana sahaja mereka berada. Ini kerana surau atau masjid merupakan tempat ibadat serta pusat aktiviti kemasyarakatan: kelas-kelas Islam telah dijalankan di tempat-tempat beribadat tersebut. Ada juga kelas agama diadakan di rumah atau di bawah rumah Tuon (guru agama).

Islam di Kemboja

Setakat ini kita tidak pasti mengenai bila dan bagaimana agama Islam tiba dan dipeluk oleh orang Campa. Cerita-cerita pengembara Arab, lagenda Cam dan Khmer, babad Cina dan Vietnam yang menceritakan tentang hal ini. Menurut Cabaton (1906) maklumat daripada babad-babad Cina adalah lebih tepat serta banyak maklumat boleh didapati daripada sumber Cina tersebut. Dipercayai Islam telah sampai di Campa pada abad ke 9 Masihi lagi. Anutan Islam oleh orang Campa dan perkembangan Islam di kalangan mereka berlaku dengan lebih cepat setelah ibu negara Campa, Vijaya jatuh kepada Vietnam pada tahun 1471. Selepas itu, budaya Hindu-Buddha di Campa telah digantikan dengan Tamadun Islam. Kini orang Cam yang masih mengamalkan agama Budha di Campa (Vietnam sekarang) makin berkurangan. Dan ada di kalangan mereka yang mengamalkan satu bentuk Islam; mereka dikenali sebagai orang Cam Bani.

Orang Cam yang tiba di Kemboja membawa bersama kepercayaan agama Islam yang masih bercampur aduk dengan kepercayaan animisme serta ajaran agama Hindu-Buddha. Di Kemboja, Orang Cam Bani boleh dijumpai hanya di beberapa daerah di provinsi Kampong Chhnang. Kini mereka juga dikenali sebagai orang Cam Tujuh, orang Cam yang menjalankan sembahyang hanya sekali dalam seminggu, iaitu dalam Tujuh hari. Jumlah mereka amat kecil jika dibandingkan de-ngan orang yang menganut orthodoks Islam mazahab Shafie yang juga dikenai sebagai Cam Lima, iaitu mereka yang melakukan sembahyang lima waktu sehari. Sepanjang sejarah kehadiran orang Cam dan Melayu di Kemboja, mereka mempunyai kebebasan penuh dalam memajukan masyarakat mereka.

Perwakilan Sosial dalam Masyarkat Cam-Melayu

Dari segi sosial, orang Cam-Melayu Kemboja diberi kebebasan untuk mengamalkan agama Islam. Mereka mempunyai madrasah yang biasanya diurus oleh pemilik madrasah tersebut. Di kampung yang tiada madrasah, kelas agama telah dilangsungkan di masjid atau surau. Masyarakat Islam ini mempunyai ketua mereka sendiri; jika pada peringkat awal kedatangan mereka di Kemboja, ketua mereka adalah putera-putera atau hulubalang Campa. Pada peringkat berikutnya, mereka telah mengiktiraf dan menerima pegawai kerajaan serta mandarin-mandarin dan menteri yang dilantik oleh raja Kemboja. Ketua-ketua orang Cam-Melayu ini juga dilantik ke jawatan tertentu dalam Kerajaan dan dikurniakan darjah-darjah bangsawan kerajaan. Di zaman pemerintahan raja Kemboja, Raja Ang Duong (1841-1860), darjah kebesaran tertentu dikurniakan khas untuk orang Cam-Melayu sahaja seperti yang berikut: Oknha Baupit Snêha, Oknha Bautés Montrey, Oknha Montrey Réachéa, Oknha Séna Chak Vet, Oknha Sénay Bautés, Oknha Tésa Norés, Oknha Visés Séney, dan Oknha Visés Tésey (Villemereui, 1883).

Gelaran-gelaran tersebut masih diguna pakai pada zaman penjajahan Perancis. Selepas kemerdekaan Kemboja pada tahun 1953, orang Islam Kemboja diletak di bawah satu majlis yang dilantik oleh raja. Majlis ini diketuai oleh Changvang (Ketua tertinggi) yang dibantu oleh dua orang timbalan dan dua orang penasihat. Di peringkat kampung, ketua mereka dikenali sebagai Hakim (Ketua Kampung), dipilih daripada kalangan orang yang pandai dalam hukum-hakam Islam. Hanya pada zaman Republik Kemboja (1970-1975), di bawah kepimpinan Presiden Lon Nol, baru mereka berjaya menu buhkan dua institusi yang diberi nama Association des Khmer Islam (AKI, Persatuan Orang Khmer Islam) dan Association de la Jeunesse Islamic Khmer (AJIK, Persatuan Pemuda Khmer Islam). Kini ketua orang Khmer Islam dikenali sebagai Mufti de-nغان

gelaran Oknha yang dikurniakan oleh raja Kemboja. Majlis Oknha Mufti dikenali sebagai Majlis Ter-tinggi Hal Ehwal Agama Islam Kemboja (Highest Council of Islamic Religious Affairs of Cambodia).

Perkembangan Ajaran Islam

Kedua-dua masyarakat Cam dan Melayu yang bertemu di Kemboja telah memeluk ajaran Islam (Marrison 1985; Musa 1994&2011). Orang Islam Kemboja yang mempunyai jalinan ketat dengan orang Melayu di Semenanjung, khususnya Kelantan, ada hantar anak muda mereka ke wilayah tersebut untuk belajar agama Islam; dan peristiwa ini telah berlangsung sejak abad ke 16 lagi (M. Ner, 1941). Pada abad ke 17, tedapat seorang putera Campa, yang kemudian menjadi Raja Campa Po Rome (1627-1651) pernah datang belajar agama Islam di Kelantan. Putera tersebut kemudian berkahwin dengan seorang puteri Kelantan, di mana keturunannya kini memerintah negeri Kelantan (Mohamed, 1981; Dharma, 1989). Ada seorang tokoh lagi yang bernama Katip Sumat (Dharma, 1987&1989; Musa, 1992&1993) dilahirkan di Kemboja telah datang ke Kelantan untuk mendalami ajaran Islam (Dharma, 1987&1989). Kemudian beliau menjadi pemimpin gerakan Islam (1833-1834) yang berperang dengan pasukan tentera Vietnam untuk menuntut wilayahnya yang baru dimasukan ke dalam wilayah Vietnam pada tahun 1832.

Setalah menuntut ilmu di Kelantan, anak muda Cam kembali ke Kemboja dan terus mengajar generasi yang lebih muda. Pada pertengahan abad ke 20, dua orang anak muda Cam dari wilayah Kompong Cham, masing-masing ke Pattani dan Kelantan untuk menuntut ajaran Islam. Sekembali mereka ke kampung halaman mereka, mereka menjadi terkenal dengan gelaran Imam Musa dan Imam Ahmad India. Imam Ahmad dikenali de-ngan gelaran Indianya kerana beliau menyambung pelajarannya ke peringkat Sarjana di Darul Uloom Deoband, Uttar Pradesh, India setelah tamat pengajiannya di Kelantan.

Setalah tamat pengajiannya di Pattani, Imam Musa telah membawa kefahaman yang dianggap baru bagi masyarakat di kampungnya dan di Kemboja am-nya. Ajaran yang disebut baru ini sebenarnya satu kefahaman Islam yang dibawa oleh Kaum Muda. Gerakan Kaum Muda ini sedang giat bergerak di Asia Tenggara pada zaman tersebut. Kefahaman dan pentafsiran baru yang

dibawa Kaum Muda Kemboja yang diketuai Imam Musa telah menjaskankan kedudukan ketua-ketua agama lama. Berikutan dengan hal ini, komuniti penganut agama Islam berpecah kepada dua kumpulan yang dikenali sebagai Kaum Tua dan Kaum Muda. Akibat daripada perselisihan ini maka terdapat ahli keluarga yang berpisah; termasuklah penceraian di antara suami dan isteri. Imam Musa dan pengikutnya kemudian dituduh sebagai pengamal ajaran yang bertentangan dengan Islam dan juga dikatakan kufur. Semua ini boleh terjadi kerana satu-satunya semua ahli masyarakat Islam tidak arif tentang ajaran Islam dan percaya mereka harus patuh kepada ajaran yang mereka ketahui kerana ia merupakan jalan yang bawa mereka ke Syurga; mereka menganggap bahawa apa sahaja yang diajar selain daripada yang mereka ketahui adalah salah. Imam Musa, seorang aktivis serta juga pengikut-pengikutnya



Gambar 2. Imam Musa (1916 – 1975)



Gambar 3. Masjid Dang Kambit, Kompong Cham. Pernah Menjadi Kandang Babi Pada Zaman Pol Pot.

sungguh percaya amalan lama yang tidak tepat dengan ajaran Islam orthodoks, orang Islam Kemboja telah menjadi mundur (Musa, 2008b).

Ketika zaman Pol Pot (April 1975-Jan 1979) semua sistem yang harus ada dalam pengurusan sesebuah negara telah dihancurkan. Di Kemboja, mereka yang berilmu, cerdik dan pandai dianggap sebagai musuh negara lalu dikenakan hukuman bunuh begitu sahaja. Tanggal 7 Januari 1979 barulah Kemboja dibebaskan daripada kekejaman Khmer Rouge, yang dipercayai satu juta tengah rakyatnya telah dibunuh, mati kelaparan atau sakit tanpa rawatan. Terdapat surau dan masjid yang telah dijadikan kandang babi, antaranya Masjid Dang Kambit (gambar 3). Masjid ini telah dibaiki dan menjadi satu-satunya tempat yang dilawati oleh ramai orang.

Semenjak Pol Pot dikalahkan, khususnya selepas 1993, surau dan masjid lama telah dibaiki semula, dan ada juga yang baru dibina di setiap perkampungan orang Cam-Melayu. Kelas agama dibuka dan ajaran asas Islam dihidupkan kembali (Musa & Hassan, 2003b). Kini terdapat pondok-pondok yang diasaskan oleh graduan dari luar negara termasuk Malaysia dan Asia Barat. Barisan pemimpin masyarakat Islam pula disusun semula oleh pejabat Mufti Kemboja: di peringkat Kampung ada Tuon, Imam dan Hakim. Di Kemboja, Tuon merujuk kepada guru agama, Imam adalah mereka yang memimpin sembahyang dan Hakim adalah Ketua Kampung. Ketiga-tiga jawatan ini dipegang oleh orang yang mempunyai ilmu agama Islam. Kepimpinan masyarakat pula adalah Kadi Daerah di peringkat daerah, Kadi Khet di peringkat provinsi dan yang tertinggi adalah Oknha Mufti yang kini disandang oleh Oknha Sos Kamry. Mereka ini memainkan peranan penting dalam perkembangan ajaran Islam di Kemboja.

Sekolah Agama

Seperti yang disebutkan di atas, pada zaman Pol Pot, semua bentuk pendidikan telah ditutup diseluruh negara. Hanya selepas Pol Pot dikalahkan dan kerajaan baru dibentuk di Kemboja, khu-



Gambar 4. Satu Kelas di bawah sebuah rumah di Dang Kambit



Gambar 5. Kelas di bawah rumah di Svay Khleang.

susnya selepas 1993, barulah madrasah dan pondok orang Cam-Melayu dibuka semula. Beberapa buah sekolah yang agak tersusun adalah seperti Madrasah Hafiz Al-Quran, dibuka di Phum Tre, provinsi Kompong Cham diikuti dengan Sekolah Dubai, di KM9 Phnom Penh, Ummul Kura, di Chrouy Metrei (dibiayai oleh seorang Saudi) lebih kurang 30KM ke Utara Phnom Penh, Madrasah Hajjah Rohimah Tambichik di Angkor Ban (Kompong Cham) dan Maahad Al Muham-mad, di Beng Pruol (juga di Kompong Cham).

Kajian kami pada tahun 2009 dan 2010, telah mendapati banyak lagi pondok dan madrasah dibina hampir di setiap kampung orang Islam, antaranya Madrasah Nurul Hidayah Islamiah (1993) di Phum Tre, Krauch Chmar, Kompong Cham, (2001) di Phum O Chrav, provinsi Kompong Som, dan Madrasah Nurul Hidayah (2005) dibina di Kbal Romeas, Srok Tuk Thla, provinsi Kompot. Ketiga-tiga buah madrasah ini telah diusahakan oleh Hj Ali Bin Taib, 58 tahun, bersama adiknya Hj Zainal Abidin Bin Abd Majid, 43 tahun. Mereka berasal dari kampung Khleang Sbek, Srok Ponhea Lu, provinsi Kandal. Pada thun 2011, jumlah pelajarnya adalah 300 orang di Madrasah Nurul Hidayah Islamiah, 120 orang di Madrasah Mahajirin dan 170 orang di Madrasah Nurul Hidayah (Wawancara dengan Hj. Ali bin Taib pada 10 Januari 2011).



Gambar 6. Guru Muda: Pelajar yang lebih berusia dan berpengetahuan mengajar yang lebih muda. (Norea, Battambang)



Gambar 7. Kelas di veranda masjid. Norea, Battambang.



Gambar 8. Masjid Tradisional Tanoot, Khum Khsach Andet, Srok Chlong, Khet Kratie.



Gambar 9. Masjid Terapung di Kg Choeung Khnéas, Siemreap

Peranan Luar dalam Membangunkan Pendidikan

Pembangunan dan perkembangan ekonomi umat Islam di Kemboja amat lemah dan ketinggalan dalam pelbagai segi dan bidang kerana beberapa faktor yang menyebabkan masyarakat Islam ini masih miskin dan daif serta serba kekurangan (Jamil Osman 2004). Namun demikian, pelbagai usaha dan kerjasama giat dijalankan demi pembangunan umat dan mempertingkatkan pendidikan bagi masyarakat Islam Kemboja. Kerjasama dan usaha prakarsa ini bukan sahaja dari-pada badan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) di dalam dan di luar Kemboja, tetapi juga termasuklah individu atau sukarelawan terutamanya dari Malaysia, negara-negara Arab dan Amerika Syarikat.

Pendidikan Kemboja lebih bermakna apabila hubungan terjalin antara Kemboja dengan Malaysia. Malaysia menjadi pilihan utama, malah berperanan sebagai pencetus dan pendorong dalam pelbagai aspek yang lain lagi kerana ikatan sejarah dan setengahnya kekeluargaan (Samsu, 2004). Peranan The Regional Islamic Dakwah Council of South East Asia Pacific (RISEAP) amat besar dan penting bagi Muslim Kemboja. RISEAP selalu mengambil berat tentang pendidikan Islam Kemboja. Badan ini sentiasa berikhtiar mencari jalan dan sumber untuk pembangunan umat dan pendidikan Islam Kemboja dari masa ke semasa. Jelaslah, RISEAP berjaya membekalkan dan menghantar tenaga pengajar ke Kemboja untuk memberi latihan dan kursus kepada imam-imam, guru-guru dan pelajar-pelajar dengan pendedahan yang lebih sempurna dan teramalkan di sana. Umpama-nya dalam tahun 2001, seramai 9 orang pengajar dihantar oleh RISEAP ke Kemboja dan Vietnam bagi tujuan memberi pendidikan Islam dengan betul dan lebih sempurna kepada mereka (Musa, 2001).

Bukan hanya bantuan pendidikan sahaja yang telah diberikan oleh Malaysia, malah bantuan lain juga telah dihulurkan daripada mereka. Gerakan Ehsan Malaysia (GEM) dalam satu lawatannya telah memberi sumbangan wang tunai sebanyak RM100,000 dan 500 kotak bungkus yang mengandungi ubat-ubatan, pakaian dan makanan pada bulan Mac 2001. Pembinaan sebuah madrasah di Kompong Pra Piang Khatom (kira-kira 150 KM dari Phnom Penh) berharga RM80,000 yang dapat menampung 400 orang murid untuk me-nimba ilmu merupakan sumbangan daripada Tabung Ehsan Kemboja (TEK) (Harian Metro, 15 April 2001). Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Selangor (Balqis) yang diketuai Datin Seri Zahrah Kechik turut meninjau suasana ma-



Gambar 10. Sekolah Agama dibina oleh seorang wanita berasal dari kampung ini dan kini rakyat Amerika Syarikat (Kompong Sla Kêt, Battambang)

syarakat Islam Kemboja (Berita Minggu 13 Okt. 2002). Yayasan Jelapang (Berita Harian, 2 Mac 2001) merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri Kedah telah berjaya melaksanakan pelbagai program seperti membuka kelas Bahasa Inggeris untuk kanak-kanak Islam Kemboja dan seramai 30 orang kanak-kanak dibawa ke Malaysia untuk dilatih dan mengikuti khursus yang disediakannya, dan juga menubuhkan tabung khas untuk mendapat derma dan sumbangan dari dermawan (Osman, Musa & Ali, 2009).

Penderitaan umat Islam di Kemboja juga mendapat simpati daripada Raja Fahd dari Saudi. Baginda membiayai 200 orang jemaah untuk menuaikan rukun haji di Mekah, Arab Saudi (Harian Metro, 15 April 2001) dan tahaun-tahun berikutnya. Menurut Al-Islam (Mac 2001), umat Islam Cam-Melayu mendapat simpati ramai kerana mereka amat berbudi bahasa, mempunyai budaya menyanjungi tinggi tetamu dan meraikan tetamu dengan baik serta mempunyai semangat gotong-royong yang erat.

Pada tahun 1999, Tuon Komri bersama yang lain berjaya mendirikan sebuah madrasah atau sekolah yang dikenali An-Nikmah Islamiyyah At-Thanawiyyah di KM9, Chrang Chamres. Kini sekolah ini telah membuka beberapa cawangan di daerah-daerah lain di Kemboja. Sekolah ini berperanan mengumpulkan murid-murid yang telah memasuki sekolah menengah dari seluruh Kemboja untuk satu hingga dua tahun, kemudian mereka akan dilanjutkan pengajiannya di Malaysia seperti 12 orang di Kelantan, 6 orang di Perak dan 7 orang di Terengganu (Al-Islam, Mei 2001), 6 orang di Kolej Islam Melaka, 3 orang Kolej Islam Selangor, 6 orang di Sek. Men. Maahad Tahfiz Johor, 3 orang di Kolej Islam Pahang dan juga 17 orang di Kolej Darul Al-Hikmah Kajang, Selangor (Temu-bual bersama dengan En Azhar b. Dato' Ab Shukur 2005). Sememangnya sumbangan dan peranan luar memang banyak peranannya terutama dalam menjayakan pendidikan.

Masyarakat Cam-Melayu yang telah berhijrah ke Amerika Syarikat semenjak 1975 dan 1980-an juga berperanan besar dalam menjayakan pembangunan umat dan perkembangan pendidikan Islam di Kemboja. Penghijrahan masyarakat Campa-Camp lebiih ramai ke negara Barat terutamanya AS (dianggarkan 10,000 orang) dan diikuti Perancis (lebih 1,000 orang), Kanada (400 orang), Denmark (250 orang) dan Australia (400 orang) (Huynh 1994).

Pergolakan di Kalangan Umat Islam Kemboja

Pengamalan ajaran Islam di Kemboja semenjak kedatangan orang Cam dan Melayu berjalan secara lancar tanpa sebarang masalah walau pun ada dua kaum utama iaitu orang Cam Bani dan orang Islam orthodoks mazhab Shafie. Masalah muncul hanya selepas kemerdeka Kemboja di mana datangnya kefahaman Kaum Muda yang dibawa oleh Imam Musa (Musa, 2008b&2009). Berikutan dengan hal ini, komuniti penganut agama Islam mula berpecah kepada dua kumpulan yang dikenali sebagai Kaum Tua dan Kaum Muda. Imam Musa adalah ketua Kaum Muda. Akibat daripada perselisihan ini maka terdapat ahli keluarga yang berpisah; suami dan isteri bercerai-berai, serta ahli keluarga yang tidak bercakap dengan satu dengan lain. Imam Musa dan pengikutnya kemudian dituduh seba-gai pengamal ajaran yang bertentangan dengan Islam dan juga dikatakan kufur.

Masalah kedua yang telah berjaya diselasaikan oleh Pejabat Mufti adalah masalah Dua Hakim. Oknha Mufti telah diberi kuasa untuk mengurus hal-hal agama Islam di Kemboja. Perlantikan sebarang jawatan yang berkaitan dengan hal-hal agama Islam di seluruh kerajaan adalah di bawah kekuasaannya; demikian Oknha Mufti lah yang ada kuasa melantik para Hakim di seluruh Kemboja. Dalam hieraki pentadbiran agama, kedudukan Okhnha Mufti adalah yang tertinggi. Kemudian diikuti Kadi Khet iaitu Hakim di peringkat Khet (provinsi); kemudian di bawahnya ada Kadi Srok (daerah atau mukim); dan di bawah sekali di peringkat Phum/Khum (kampung) adalah Hakim.

Masalah timbul adalah perlantikan Hakim di tiga-tiga peringkat tersebut; dan masalah yang mucul sekali adalah pemilihan Hakim (peringkat kampung). Biasa Hakim-hakim ini dilantik secara langsung oleh Okhnha Mufti. Masalah timbul apabila Hakim yang dilantik oleh Mufti itu tidak disukai ramai di sesuatu kampung itu. Akibatnya, kampung tersebut mempunyai Dua Hakim, satu yang dilantik oleh Pejabat Mufti dan yang satu lagi adalah Hakim pilihan orang kampung tersebut. Setiap Hakim mempunyai pengikut atau penyokong masing-masing. Walaupun jumlah kampung yang ada dua Hakim ini kecil, tetapi masalah ini membawa kepada perpecahan masyarakat dalam semua sudut termasuk perpaduan. Untuk menyelesaikan masalah ini pejabat Mufti telah membuat keputusan yang tepat dengan membenarkan ahli masyarakat kampung memilih Hakim mereka sendiri. Hakim yang dipilih akan dilantik oleh Mufti untuk jangka masa yang belum lagi ditetapkan, buat masa ini. Jawatan Hakim tidak bergaji, hanya hadiah yang disampaikan kepada mereka oleh pejabat Mufti dan hanya sekali sekala sahaja.

Syarat-syarat untuk menjadi calon Hakim telah ditentukan. Calon Hakim mestilah dari masyarakat kampung itu juga, dan bukan orang luar. Beliau mesti warak, pandai membaca Al-Qur'an, berumur, tidak dipilih di kalangan orang muda, berilmu (*usul fiqh*) tidaklah perlu sampai taraf ilmu seorang Tuon. Melalui kajian saya, orang kampung berpegang kepada hadith yang membawa erti, yang berilmu lebih tinggi, wajib jadi ketua; yang kurang ilmu, jadi nombor dua, yang tidak berilmu, haram jadi ketua, iaitu Hakim. "Pandai membaca Al-Qur'an" telah menjadi satu syarat kerana umum ketahui bahawa selepas zaman Pol Pot, ramai yang berilmu telah dibunuhi atau mati kerana kelaparan atau sakit. Seorang calon Hakim juga harus berkarsma (ar. Mauhibah). Pokoknya dalam pemilihan seseorang Hakim adalah seorang yang terbaik yang ada di kawasan itu. Hakim tidak memberi kuliah agama, peranan yang telah diserahkan kepada Tuon; lain lah jika Hakim itu adalah seorang Tuon. Imam Musa dan juga Kaum Muda, masih masyhur di daerah Kompot (wawancara dengan Tok Abdul Rahman bin Abbas pada 5 Agustus 2010).

Masalah yang ketiga adalah ajaran yang dibawa oleh pemuda Cam-Melayu lepasan universiti di Asia Barat. Mereka ini dipercayai membawa kefahaman Wahabi. Masalah ini mula timbul pada tahun 1993. Kebanyakan sekolah yang diasaskan mereka kini terpaksa tutup kerana mereka dituduh membawa ajaran sesat. Biasanya sekolah yang dibuka graduan dari Asia Barat dibantu oleh Kuwait atau Saudi Arabia. Walau bagaimanapun, sekolah bantuan Kuwait atau Saudi Arabai mula mendapat tempat di hati orang Islam Kemboja. Di samping itu sekolah yang diajar oleh graduan dari Malaysia atau Pattani tidak menghadapi sebarang masalah. Kefahaman Ahmadiyah dapat dikesan pada tahun 2000 dan ajaran Syiah pada tahun 2010. Walau bagaimanapun dalam sejarah penghayatan agama Islam di kalangan umat Islam Kemboja, hanya satu insiden yang serius yang telah berlaku di Phum Poeu, Khum Svay Khleang, Srok Krauch Chmar, Provinsi Kompong Cham. Dalam insiden tersebut seorang Imam, yang dituduh penyokong Sekolah Wahabi, ditikam hingga mati pada pertengahan tahun 2000.

Satu lagi masalah yang baru muncul dalam beberapa tahun kemudian di Kemboja ialah terdapat lebih dari 1000 organisasi Kristian yang bergerak dengan bebas, berbanding dengan puluhan NGO Islam. Yang membimbangkan adalah pergerakan mereka di kalangan umat Islam. NGO Kristian ini amat tersusun dan berstruktur, manakala gerakan NGO Islam pula lebih kepada meminta bantuan orang ramai atau institusi dari luar negara, untuk mengembangkan ajaran Islam yang amat terancam dalam era moden ini. Pergerakan NGO Islam ini menjadi lebih dasyat sekiranya kehidupan pemimpinnya bergantung kepada aktiviti didikan/persekolahan mereka. Kini ada kitab-kitab Kristian, termasuk Al-Qur'an yang telah diterjemahkan dalam bahasa Cam yang sedang diedar di kalangan umat Islam, khususnya di kalangan Cam Tujuh. Di Kompong Chenang telah ada mereka yang masuk Kristian walaupun jumlahnya masih kecil (wawancara dengan Adam Abdul Razak pada 29 Mei 2012).

Perkembangan semasa

Perkembangan semasa mengenai perkembangan Islam di Kemboja boleh dianggap menuju ke arah yang betul. Terdapat banyak sekolah yang ditubuhkan oleh umat Islam di seluruh Kerajaan (*kingdom*) atas usaha orang Cam-Melayu sendiri, dan sejumlah sekolah yang dibantu oleh umat Islam dari luar, orang perseorangan atau Institusi, khususnya dari Malaysia. Ada sekolah agama penuh dan sekolah bersepadu, iaitu sekolah yang mengajar kedua-dua program iaitu gabungan program sekolah kebangsaan dan agama. Di antaranya sekolah agama penuh adalah seperti Al-Ihsan, di KM9, Chrang Chamres, Phnom Penh. Sekolah bersepadu adalah seperti Pusat anak Yatim di Chrok Romiet, Provinsi Kompong Chhnang dan Pusat Anak Yatim di Chom Chao, berdekatan Pochentong, Phnom Penh. Sekolah bersepadu yang mutakhir ada SERPAMA (Sekolah Rendah Bersepadu Musa-Asia) yang telah buka pintunya bagi anak murid gred Satu pada bulan Oktober 2012. Sekolah SERPAMA ini sedang dibina di Svay Khleang, Srok Krauch Chmar, Provinsi Kompong Cham. Banyak bantuan diperlukan bagi kejayaan SERPAMA ini serta SEMPAMA (Sekolah Menengah Bersepadu Musa-Asia) yang juga dalam perancangan untuk murid lepasan SERPAMA dan murid-murid yang terpaksa meninggalkan persekolahan mereka kerana kemiskinan.

Kesimpulan

Kemboja telah menjadi negara tumpah darah orang-orang Khmer Islam. Mereka telah membangunkan dan mempertahankan negara mereka bersama-sama dengan orang Khmer, penduduk majoriti yang beragama Buddha. Mereka berintegrasi penuh dalam masyarakat kebangsaan. Sejarah telah menunjukkan bahawa pihak berkuasa Khmer sangat bersimpati dan memberi kebebasan sepenuhnya dalam apa jua mereka hendak lakukan bagi kepentingan kerajaan dan juga masyarakat mereka. Mufti, Hakim, Tuon, Imam, tetap disanjung tinggi dalam hieraki kepimpinan spiritual mereka. Pendidikan Islam kekal sebagai teras aktiviti-aktiviti orang Islam Kemboja. Kerajaan menyokong penuh usaha mereka yang memberi pendidikan, Islam khususnya. Pendidikan ialah teras kepada pembangunan negara. Sehingga kini, sistem pendidikan Islam tradisional telah membantu mereka untuk mengekalkan kesimbangan dalam hidup mereka. Di samping itu, Islam diberi kedudukan tinggi dalam masyarakat Khmer Buddha, sehingga pada hari keputeraan raja Kemboja, masyarakat Islam dijemput untuk membaca doa untuk raja mereka.

Masyarakat Islam percaya bahawa hanya dengan keadaan intelektual dan ekonomi mereka setanding dengan kaum-kaum lain dalam kerajaan, barulah mereka dapat hidup dalam keadaan makmur, aman dan disegani kawan dan lawan. Dan ini boleh berlaku hanya melalui pendidikan. Pendidikan yang diertikan di sini adalah Pendidikan Bersepadu, iaitu gabungan pendidikan Agama dan Moden, melalui program pendidikan nasional Kemboja.

Daftar Pustaka

- Mohamed, A. B. (Nakula.). (1981). *Keturunan raja-raja Kelantan dan peristiwa-peristiwa bersejarah*. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan: Kota Bharu.
- Cabaton, A. (1906). *Notes sur l'Islam dans l'Indochine Française* (Vol. I, No. I). Revue du Monde Musulman: Paris.
- Te, H. D. (pterj.). (1994). *Proceeding of the seminar on Champa, Rancho Cordova*. California: Southeast Asia community resource center. Perancis.
- Osman, J., Musa, M. Z., & Ali, N. M. (2004). Eradicating poverty of the Malay-Cham in Cambodia. *Poverty in the Muslim World And Communities: Causes and Solutions* (pp. 175-190). Kuala Lumpur: International Islamic University of Malaysia.
- Osman, J., Musa, M. Z., & Ali, N. A. M. (2009). Pendidikan masyarakat Campa-Cam di Kemboja. *Kesturi* (1&2), 29-50.
- Lafont, P. B. (Ed.). (1996). *Semenanjung Indochina: Satu pengenalan*. (Translated from French by Mohamad Zain Musa). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marrison, G. E. (1985). *The Chams and their literature in JMBRAS* (Vol. LVIII-2, pp. 45-70).
- Musa, M. Z. (1991). Kehadiran orang Melayu dan orang Cam di Kemboja hingga awal abad ke XIX. *Jebat* (No. 19, pp. 3-13). Bangi: UKM.
- Musa, M. Z. (1994). Masyarakat Melayu-Cam dan Kelantan dilihat dari sudut agama. *Warisan Kelantan* (No. XIII, pp. 33-48). Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Musa, M. Z. (2001, November 5-7). *The muslim community in Cambodia after the Pol Pot era*. Seminar Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi ASEAN Ke-3: Anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Kerajaan Negeri Melaka.

- Musa, M. Z. (2003a). Masyarakat Cam di Malaysia: Tinjauan di negeri Kelantan. *Peradaban Melayu Timur Laut* (pp. 156-178). suntingan A. Aziz Deraman. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan pustaka.
- Musa, M. Z., Shuhaimi, N. H., & Rahman, N. A. (2003b). *Masyarakat Cam sepanjang zaman*. Kuala Lumpur: Ikatan Ahli-ahli Arkeologi Malaysia.
- Musa, M. Z. (2004). Islam as understood and practiced by the muslims in Indochina. *Isla-miyyat* 25 (1), 45-60. Bangi: UKM.
- Musa, M. Z. (2007). Muslim youth in Cambodia after world war two: A kaum Kuda case study. Proceedings: the royal academy of Cambodia - Asia research center. *Third International Conference on Southeast Asian cultural Values Promoting Community Spirit* (pp. 139-150). Phnom Penh: Royal Academy of Cambodia.
- Musa, M. Z. (2008a). Perpindahan dan hubungan semasa orang Cam. *Jurnal Sari*, 26, 351-366. Bangi: ATMA-UKM.
- Musa, M. Z. (2008b). Dynamics of faith: Imam Musa in the revival of Islamic teaching in Cambodia. Islam at the margins: the muslims in Indochina. *CIAS (Center for Integrated Studies) Discussion Paper* (No. 3, pp. 59-69). Center for Integrated Studies: Kyoto University, Kyoto, Japan. (fonds: mzain)
- Musa, M. Z. (2009). Peranan dan sumbangan Imam Musa 1916-1975 dalam pembaharuan Islam di Kemboja. *Kesturi*, 19 (1&2): 66-76.
- Musa, M. Z. (2011, July). History of education among the Cambodian muslims. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics, & Strategic Studies*, 38 (1), 81-104. Bangi: School of History, Politics & Strategic Studies - UKM. ISSN: 2180-0251 (electronik), 0126-5644 (cetakan).
- Ner, M. (1941), Les musulmans de l'Indochine Française. *BEFEO* (vol. XLI, pp. 151-200). Paris.